

SEKSYEN 5

Risiko Fiskal dan Liabiliti

75 PERSPEKTIF KESELURUHAN

75 PENDEDAHAN HUTANG DAN LIABILITI

76 JAMINAN KEWANGAN

Rencana - Mengurus Risiko: Pengenalan Kepada
Skim Jaminan Awam

85 KOMITMEN JAMINAN

86 LIABILITI LAIN

86 MITIGASI RISIKO KE ATAS PENDEDAHAN LIABILITI

87 KESIMPULAN

SEKSYEN 5

Risiko Fiskal dan Liabiliti

Perspektif Keseluruhan

Perkembangan global pada ketika ini memerlukan pengurusan risiko fiskal yang lebih proaktif. Ketegangan geopolitik yang memuncak serta pemecahan perdagangan global disebabkan oleh tindakan perlindungan memberikan kesan terhadap rantai bekalan dan dinamik perdagangan. Ketidaktentuan tersebut berserta harga komoditi yang menyederhana, turun naik pasaran kewangan dan kejutan berkaitan iklim berkemungkinan memberi kesan terhadap prospek pertumbuhan Malaysia dan memperlahankan momentum konsolidasi fiskal.

Pada peringkat domestik, Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 - 2030 (RMK13) memberi penekanan untuk mempergiat pembangunan infrastruktur, meningkatkan sokongan kepada isi rumah yang mudah terjejas serta mempercepat usaha peralihan tenaga. Pelaksanaan RMK13 memerlukan sumber peruntukan yang besar antara lain melalui peruntukan langsung belanjawan, instrumen kuasi-fiskal dan inisiatif awam swasta. Justeru, Kerajaan perlu mengurus dan mengurangkan pendedahan risiko secara berhemat bagi meminimumkan kemungkinan penzahiran liabiliti luar jangka kepada kos fiskal langsung. Sementara itu, keperluan untuk menambah baik ketelusan dan akauntabiliti memerlukan perancangan dan kerangka tatakelola yang menyeluruh bagi penggunaan instrumen kuasi-fiskal dan pengurusan entiti milik kerajaan.

Sehubungan dengan itu, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] menyediakan rangka kerja pengurusan risiko fiskal ditambah baik meliputi dasar yang jelas,

struktur tadbir urus menyeluruh dan keperluan pelaporan yang lebih komprehensif. Tambahan pula, kelulusan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan 2025 serta cadangan penggubalan beberapa undang-undang baharu berkaitan kerjasama awam swasta dan entiti milik Kerajaan akan melengkapi asas yang ditetapkan dalam Akta 850. Melangkah ke hadapan, pengurusan hutang dan liabiliti secara berhemat merupakan langkah penting dalam memastikan ketersediaan ruang fiskal, meningkatkan daya tahan daripada kejutan luar serta mengekalkan keyakinan pelabur bagi menyokong kemampanan dan keterangkuman agenda pembangunan negara.

Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Hutang dan liabiliti Kerajaan terdiri daripada Hutang Kerajaan Persekutuan, komitmen jaminan, obligasi kewangan daripada projek kerjasama awam swasta (PPP) dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Sehingga akhir Jun 2025, pendedahan hutang dan liabiliti berjumlah RM1,694.6 bilion atau 84.1% daripada KDNK. Pelaporan secara komprehensif yang dilaksanakan sejak 2018 bertepatan dengan tanggungjawab Kerajaan untuk mempertingkatkan ketelusan dan ketelitian pelaporan fiskal. Langkah ini selaras dengan piawaian dan pengiktirafan antarabangsa di bawah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) dan rangka kerja Public Sector Debt Statistics oleh IMF. Pada masa ini, pelaporan menyeluruh hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang diperkemas berdasarkan peruntukan di bawah Akta 850 membolehkan liabiliti diuruskan secara berkesan dan bertanggungjawab.

JADUAL 5.1. *Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan, 2024 – 2025*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 ¹	2024	2025 ¹
Hutang Kerajaan Persekutuan	1,247,614	1,304,176	64.6	64.7
Komitmen jaminan	236,229	237,084	12.2	11.8
Liabiliti lain	148,584	153,383	7.7	7.6
Jumlah	1,632,427	1,694,643	84.5	84.1

¹ Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jaminan Kewangan

Pembangunan ekonomi dan infrastruktur di Malaysia secara asasnya dibiayai melalui pelaburan awam dengan penglibatan aktif oleh sektor swasta. Infrastruktur asas seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan dan kebajikan sosial dibiayai melalui peruntukan fiskal langsung manakala instrumen kuasi-fiskal digunakan bagi pelaburan khusus dalam projek dan program infrastruktur strategik. Strategi ini membantu mengurangkan beban fiskal, merencanakan perkembangan ekonomi, menggalakkan pertumbuhan sektoral serta memastikan keperluan rakyat dipenuhi. Jaminan Kewangan merupakan antara instrumen kuasi-fiskal yang digunakan bagi membiayai projek infrastruktur strategik tertentu dan program pinjaman bersasar.

Berdasarkan kerangka perundangan sedia ada, Jaminan Kewangan ditadbir di bawah empat Akta iaitu Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Akta Jaminan Pinjaman 1963 [Akta 412] dan Akta Jaminan Pinjaman 1972 [Akta 66]. Susulan daripada pengenalan Akta 850, skop dan pelaporan Jaminan Kewangan telah diseragamkan merangkumi semua instrumen jaminan di

bawah empat akta sedia ada. Sehingga akhir Jun 2025, Jaminan Kewangan yang berjumlah RM424.7 bilion atau 21.1% daripada KDNK kekal di bawah had 25% seperti diperuntukkan di bawah Jadual Pertama kepada Akta 850.

JADUAL 5.2. *Jaminan Kewangan, 2024 – 2025*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 ¹	2024	2025 ¹
Jaminan di bawah Akta 96	332,819	336,078	17.2	16.7
Jaminan di bawah Akta 61	83,990	88,633	4.4	4.4
Ikatan dan Sokongan	30,675	31,151	1.6	1.5
Skim Jaminan	53,315	57,482	2.8	2.9
Jumlah	416,809	424,711	21.6	21.1

¹ Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jaminan di bawah Akta 96

Jaminan di bawah Akta 96 merupakan sebahagian daripada Jaminan Kewangan yang diberikan kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan berkanun untuk membiayai projek infrastruktur, melaksanakan program pinjaman bersasar atau melabur dalam pelaburan strategik. Walaupun projek seperti pengangkutan awam, pendidikan dan bekalan air berpotensi memberi pulangan ekonomi dalam jangka masa panjang, namun projek tersebut berkemungkinan tidak berdaya maju secara komersial tanpa sokongan Kerajaan disebabkan oleh dasar tertentu, kos modal yang tinggi serta tempoh pelaksanaan yang panjang. Pendekatan ini dapat mengurangkan kos pembiayaan dengan ketara di samping memastikan sumber dimanfaatkan secara optimum bagi kelangsungan pembangunan negara. Sehingga akhir Jun 2025, jaminan di bawah Akta 96 meningkat secara marginal sebanyak 1% kepada RM336.1 bilion atau

JADUAL 5.3. Penerima Utama Jaminan di bawah Akta 96, 2024 – 2025

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 ²	2024	2025 ²	2024	2025 ²
DanaInfra Nasional Berhad	85,100	87,000	25.6	25.9	4.4	4.3
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	48,600	53,650	14.6	16.0	2.5	2.7
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. ¹	50,303	52,373	15.1	15.6	2.6	2.6
Prasarana Malaysia Berhad	41,955	42,155	12.6	12.5	2.2	2.1
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	41,450	39,950	12.5	11.9	2.1	2.0
Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	11,000	11,000	3.3	3.3	0.6	0.6
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	6,928	6,513	2.1	1.9	0.4	0.3
Pengurusan Air SPV Berhad	6,450	6,050	1.9	1.8	0.3	0.3
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. ¹	5,422	5,005	1.6	1.5	0.3	0.2
1Malaysia Development Berhad	5,000	5,000	1.5	1.5	0.3	0.2
Jumlah 10 penerima utama	302,208	308,696	90.8	91.9	15.7	15.3
Penerima lain	30,611	27,382	9.2	8.1	1.5	1.4
Jumlah jaminan	332,819	336,078	100.0	100.0	17.2	16.7

¹ Tertakluk kepada kadar tukaran asing² Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

16.7% daripada KDNK susulan pengurusan jaminan berhemat melalui pemilihan projek secara teliti dan penyaluran hanya terhad kepada projek dan program sedia ada.

Berdasarkan pecahan segmen, projek infrastruktur kekal sebagai penerima terbesar mewakili 59.6% daripada jumlah jaminan terkumpul dengan sebahagian besar adalah untuk membiayai projek pengangkutan awam seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan 3 (LRT3), lebuhraya serta pinjaman perumahan. Sektor perkhidmatan merupakan segmen kedua terbesar mewakili 29.4% daripada jumlah jaminan merangkumi pinjaman pendidikan tinggi serta skim pembiayaan perumahan penjawat awam diikuti oleh utiliti (4.4%), pegangan pelaburan (3.7%), perladangan (1.9%) dan kewangan (1%). Sebanyak 10 penerima utama mewakili lebih 91.9% daripada jaminan di bawah Akta 96 manakala 88.5% daripada jaminan terkumpul adalah dalam denominasi ringgit sekali gus

dapat mengurangkan pendedahan Kerajaan terhadap risiko tukaran asing. Purata tempoh matang berwajaran bagi pembiayaan jaminan di bawah Akta 96 adalah 10.7 tahun dengan lebih separuh (53.5%) daripada jaminan bertempoh matang melebihi 10 tahun.

Jaminan di bawah Akta 61

Jaminan di bawah Akta 61 merupakan komponen Jaminan Kewangan yang merangkumi surat ikatan dan sokongan serta skim jaminan awam. Surat ikatan dan sokongan diberikan khusus bagi memenuhi objektif tertentu seperti pelaburan strategik dan penstrukturan korporat. Sehingga akhir Jun 2025, jumlah pendedahan Kerajaan daripada surat ikatan dan sokongan berjumlah RM31.1 bilion atau 1.5% daripada KDNK dengan Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. mewakili peratusan tertinggi sebanyak 78.1%. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan lebih berhemat dalam pemberian instrumen jaminan ini sebagai langkah strategik mengawal risiko fiskal.

RENCANA

Mengurus Risiko: Pengenalan Kepada Skim Jaminan Awam

Pengenalan

Skim jaminan awam atau skim jaminan standard di sesetengah autoriti merupakan komitmen daripada kerajaan untuk menanggung sebahagian atau keseluruhan obligasi kewangan peminjam sekiranya berlaku kemungkiran. Secara umum, skim jaminan awam berperanan sebagai instrumen mitigasi risiko sekunder kepada peminjam dengan objektif untuk memudah cara akses kepada kredit. Ciri utama skim ini lazimnya melibatkan pemberian jaminan kepada sejumlah besar penerima dengan terma dan syarat yang seragam. Skim ini turut menggabungkan elemen berteraskan pasaran bagi penyediaan pinjaman dan subsidi tidak langsung kerajaan. Kaedah tersebut merupakan liabiliti luar jangka kerajaan yang tidak memerlukan aliran tunai segera tetapi mungkin menyebabkan penzahiran kos fiskal sekiranya peminjam di bawah skim ini gagal memenuhi obligasi kewangan.

Selaras dengan perkembangan skop skim jaminan awam, terdapat keperluan untuk menggubal dasar berhemat dan mekanisme yang efektif. Pengurusan risiko secara berterusan penting untuk melindungi sumber awam di samping memaksimumkan keberhasilan. Skim jaminan awam mampu memberikan nilai tambah dalam jangka masa panjang tanpa menjejaskan kemampanan fiskal sekiranya digubal dengan struktur dasar dan kerangka institusi yang kukuh. Justeru, rencana ini menerangkan secara ringkas mengenai skim jaminan awam di Malaysia dan merupakan kesinambungan siri “Mengurus Risiko” yang pernah diterbitkan dalam laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025.

Landskap Pelaksanaan Skim Jaminan Awam di Malaysia

Skim jaminan awam di Malaysia merupakan instrumen pembiayaan strategik dalam pengurusan fiskal bagi mencapai objektif makroekonomi. Selain menjadi penampan kepada kejutan ekonomi, skim jaminan berperanan dalam merapatkan jurang pembiayaan berstruktur, menggalakkan inovasi perniagaan serta meningkatkan keterangkuman kewangan bagi segmen ekonomi yang kurang mendapat capaian pembiayaan. Skim jaminan awam diterajui oleh institusi awam seperti syarikat berkaitan kerajaan atau subsidiari serta dipantau oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia. Pada masa ini, terdapat tiga entiti yang menguruskan skim jaminan iaitu Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP), Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).

RAJAH 1. Entiti yang Menguruskan Skim Jaminan Awam di Malaysia

 SYARIKAT JAMINAN KREDIT PERUMAHAN BERHAD (SJKP)	 SYARIKAT JAMINAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN BERHAD (SJPP)	 CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD (CGC)
Syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] menyediakan jaminan pembiayaan perumahan khususnya kepada peminjam berkelayakan yang tidak mempunyai dokumen pendapatan tetap bagi meningkatkan akses kepada pemilikan rumah.	Syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] yang mengkhusus dalam pengurusan skim jaminan bagi PKS dan sektor strategik terutamanya untuk memudah cara pembiayaan modal kerja.	Syarikat dimiliki bersama Bank Negara Malaysia dengan beberapa institusi kewangan bagi meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS dan inisiatif secara spesifik.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Secara keseluruhan, entiti tersebut menjadi tunjang utama ekosistem jaminan awam bagi menyediakan sokongan fiskal terutamanya kepada sektor dan segmen yang menjana kesan pengganda kepada ekonomi. Pendekatan bersasar ini selari dengan agenda pembangunan Kerajaan yang diperkukuh melalui pemantauan dan akauntabiliti secara berkesan. Sehingga akhir 2024, skim jaminan awam telah menyediakan pinjaman berjumlah RM73 bilion yang memanfaatkan lebih 163,000 peminjam dalam kalangan PKS dan isi rumah.

RAJAH 2. Ciri-Ciri Utama Skim Jaminan Awam di Malaysia

ENTITI	SYARIKAT JAMINAN KREDIT PERUMAHAN BERHAD (SJKP)	SYARIKAT JAMINAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN BERHAD (SJPP)	CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD (CGC)	
Program Utama	Skim jaminan pembiayaan perumahan dengan had pembiayaan berjumlah RM19 bilion dan pembiayaan maksimum kepada individu sebanyak RM500,000. • SJKP Belanjawan 2022 • SJKP Belanjawan 2023 • SJKP Belanjawan 2024 • SJKP MADANI	10 skim jaminan dengan had pembiayaan berjumlah RM86.4 bilion bagi meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS. Program utama termasuk: • Skim Jaminan Modal Kerja • Syarikat pemula • Bumiputera • Export • Wanita • Pembiayaan Automasi dan Digital	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) • GTFS • GTFS 2.0 • GTFS 4.0 • GTFS 5.0 (bermula Ogos 2025)	Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS) – (telah berakhir)
Objektif Utama	Membantu individu yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau berpendapatan rendah mendapatkan pembiayaan bagi pembelian rumah pertama.	Membantu PKS mendapatkan pembiayaan melalui penyediaan skim jaminan bantuan kerajaan kepada institusi kewangan terlibat.	Menyokong pelaburan dalam teknologi hijau melalui penyediaan jaminan kerajaan bagi pembiayaan hijau serta rebat ke atas kadar faedah/keuntungan.	Membantu syarikat menggunakan hak ke atas harta intelek sebagai cagaran bagi mendapatkan pembiayaan seterusnya meningkatkan pelaburan yang mempunyai keupayaan berteknologi tinggi.
Liputan Jaminan	Jaminan sehingga 120% ke atas prinsipal pembiayaan perumahan	Jaminan sehingga 80%	Jaminan sehingga 80% berdasarkan fasa skim	Jaminan sehingga 50% daripada jumlah pembiayaan
Bilangan Institusi Kewangan terlibat	15	34	29	Hanya Malaysia Debt Ventures
Jumlah Penerima	85,505 isi rumah	77,529 PKS	342 syarikat	12 syarikat
Fi Jaminan	0.25% – 0.5% setahun	0.5% – 1% setahun	Tidak berkeenaan	Tidak berkeenaan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Penanda Aras Global bagi Amalan Terbaik

Prinsip pelaksanaan skim jaminan awam yang efektif dan bertanggungjawab telah diterima umum pada peringkat global. Skim ini perlu berlandaskan dasar yang rasional dan jelas dengan sokongan struktur dan pengurusan institusi yang kukuh serta berdisiplin bagi mencapai impak pembangunan tanpa menjejaskan tanggungjawab fiskal. Bank Dunia dan Financial Sector Reform and Strengthening (FIRST) Initiative telah menggariskan 16 prinsip amalan terbaik skim jaminan awam yang digubal berdasarkan empat dimensi teras yang dirumuskan seperti berikut:

Mengurus Risiko

RAJAH 3. Ringkasan Prinsip Panduan Mekanisme Skim Jaminan yang Berkesan


Kerangka Perundangan dan Kawal Selia	• Asas perundangan yang jelas, pendanaan yang mencukupi serta pemilihan bercampur. • Struktur tatakelola perlu memastikan kebebasan operasi di samping mengekalkan akauntabiliti awam yang teguh.
Tatakelola Korporat dan Pengurusan Risiko	• Keperluan mempunyai mandat yang jelas disokong oleh lembaga pengarah bebas dan cekap. • Entiti yang menawarkan skim jaminan awam perlu mempunyai kerangka pengurusan risiko perniagaan yang efektif dan menyeluruh.
Kerangka Pengoperasian	• Pelaksanaan berdasarkan kumpulan sasar serta kriteria kelayakan yang jelas. • Fi yang telus dan berasaskan risiko. • Nisbah liputan jaminan perlu seimbang antara menggalakkan penglibatan pembiaya dengan mengelakkan peningkatan pendedahan fiskal. • Proses tuntutan perlu telus, menepati masa dan disokong oleh langkah pemulihan yang kukuh bagi melindungi dana awam.
Pemantauan dan Penilaian	• Keperluan pelaporan yang terperinci dengan penilaian bebas secara berkala bagi mengukur pencapaian skim, kemampuan kewangan dan impak pembangunan. • Penemuan penilaian perlu dimanfaatkan untuk permurnian dasar dan operasi. • Pendedahan jaminan skim perlu dilaporkan sepenuhnya dalam penerbitan fiskal berkaitan manakala liabiliti luar jangka diambil kira dalam penilaian risiko fiskal.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Dunia dan Financial Sector Reform and Strengthening (FIRST) Initiative

Penggunaan skim jaminan awam telah meningkat ketara merentas ekonomi terutamanya ketika pandemik COVID-19 sebagai langkah tindak balas dalam mengekalkan aliran kredit khususnya kepada PKS dan sektor strategik. Sebelum pandemik, purata pembiayaan global yang disokong skim jaminan berbanding pembiayaan oleh sistem perbankan adalah sekitar 1% hingga 5%. Namun begitu, nisbah ini meningkat kepada purata 6% hingga 8% selepas krisis. Nisbah ini meningkat sehingga lebih 20% bagi ekonomi maju tertentu selari dengan usaha kerajaan untuk menyokong kemampuan perniagaan, melindungi pekerjaan serta mengekang kelembapan ekonomi yang lebih buruk. Walaupun peningkatan ini boleh menjadi punca pertambahan risiko, namun dapat dikurangkan melalui tatakelola dan kawalan risiko yang komprehensif, struktur fi yang bersesuaian serta sistem pemantauan dan penilaian yang menyeluruh.


Dari perspektif domestik, skim jaminan awam di bawah SJKP, SJPP dan CGC telah dimanfaatkan dalam menyokong ekonomi, meningkatkan keterangkuman kewangan dan mengekalkan kemampuan aktiviti pembiayaan khususnya semasa krisis COVID-19. Pada 2020, jumlah kelulusan pinjaman di bawah skim jaminan mencecah RM13.3 bilion atau 3.8% daripada jumlah kelulusan pinjaman sektor perbankan. Kelulusan pembiayaan di bawah skim ini terus meningkat selepas krisis bagi menyokong PKS dalam tempoh pemulihan. Selain itu, pelbagai skim jaminan pembiayaan perumahan telah digabungkan di bawah satu entiti bagi memperkemas pelaksanaannya. Sehingga akhir 2024, pendedahan tanggungan skim jaminan kepada Kerajaan berjumlah RM50.6 bilion atau 2.6% daripada KDNK.

RAJAH 4. Skim Jaminan Awam Diluluskan dan Bahagian daripada Jumlah Pinjaman Diluluskan Oleh Sistem Perbankan, 2019 – 2024



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad


RAJAH 5. Skim Jaminan Terkumpul, 2019 – 2024



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Walaupun skim jaminan awam telah meningkat dengan ketara sejak 2019, namun risiko penzahiran liabiliti kepada Kerajaan secara relatif masih rendah. Sehingga akhir 2024, jumlah terkumpul tuntutan dibayar sejak penubuhan skim ini pada 2009 hanya berjumlah RM831.2 juta atau 1.6% daripada jumlah jaminan yang dikeluarkan.


RAJAH 6. Jumlah Tuntutan berbanding Jumlah Jaminan Terkumpul, 2019 – 2024



Sumber: Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Secara asasnya, skim jaminan awam terdedah kepada dua risiko utama. Pertama, penzahiran liabiliti luar jangka boleh meningkatkan beban fiskal yang ketara kepada Kerajaan. Kedua, risiko bahaya moral mungkin boleh berlaku dalam kalangan industri jika institusi kewangan terlibat terlalu bergantung kepada pinjaman berjaminan berbanding pembiayaan menggunakan dana sendiri dan menanggung risiko kredit sepenuhnya. Selain itu, jaminan Kerajaan juga boleh mengakibatkan penilaian kredit kepada peminjam dilaksanakan dengan tidak berhemat seterusnya meningkatkan kebarangkalian pinjaman tidak dibayar.

Kerajaan dan entiti yang menguruskan skim jaminan awam telah melaksanakan pelbagai langkah berterusan bertujuan untuk mengurangkan pendedahan fiskal di samping melindungi kualiti kredit. Inisiatif tersebut yang selaras dengan amalan terbaik antarabangsa boleh dirumuskan kepada lima teras utama iaitu kerangka perundangan dan mandat yang jelas; penilaian dan penyeliaan menyeluruh; pemantauan dan libat urus yang proaktif; fi jaminan bersesuaian berasaskan risiko; serta ketelusan dan penzahiran yang diperkukuh.

RAJAH 7. Lima Teras Utama dalam Pengurusan Risiko Skim Jaminan Awam di Malaysia

Sumber: Kementerian Kewangan, Malaysia

Hala Tuju untuk Memperkuh Mitigasi Risiko

Selaras dengan perkembangan dan kemajuan skim jaminan awam, penambahbaikan berterusan struktur dan mekanisme pelaksanaan skim ini penting bagi menguruskan pendedahan liabiliti luar jangka dan kemungkinan risiko terhadap kewangan awam. Oleh itu, beberapa langkah penambahbaikan dan pilihan dasar sedang diteliti bagi mengukuhkan mitigasi risiko berkaitan pengurusan skim jaminan awam.

- Mengkaji kemungkinan **pengurangan tahap risiko Kerajaan secara beransur-ansur** melalui pendekatan perkongsian risiko berperingkat bagi meningkatkan penyertaan institusi kewangan dan pemberian pinjaman secara berhemat. Model ini telah berjaya dilaksanakan di beberapa negara OECD, sekali gus memastikan institusi kewangan kekal menanggung risiko kredit serta melaksanakan penilaian kredit yang lebih menyeluruh.
- Meneroka kaedah **perkongsian kos atau hasil** dengan institusi kewangan khususnya dalam sektor yang berdaya maju. Kos pembiayaan oleh peminjam dikongsi antara institusi kewangan dengan Kerajaan memandangkan Kerajaan menanggung sebahagian besar risiko pembiayaan. Langkah ini mampu meningkatkan dana boleh dituntut bagi menampung kemungkinan kredit seterusnya melindungi kewangan Kerajaan.

- iii. Meneliti kesesuaian **model jaminan bercampur** dengan jaminan diberikan berdasarkan kitaran hayat perniagaan. Model ini memberikan jaminan terus kepada PKS berisiko tinggi manakala jaminan portfolio diberikan kepada syarikat yang lebih kukuh.
- iv. Melaksanakan **mekanisme graduasi** bagi syarikat yang mencapai kedudukan kewangan kukuh. Mekanisme ini membolehkan sumber awam diberikan kepada peminjam baharu serta dapat memperluas akses pinjaman.
- v. Menetapkan **syarat yang lebih ketat** ke atas penerima jaminan bagi meningkatkan disiplin kewangan. Syarat ini boleh dikenakan dalam bentuk had pembayaran dividen, kawalan perbelanjaan atau pengeluaran pinjaman berasaskan prestasi.

Kesimpulan

Secara umum, skim jaminan awam membuktikan strategi ekonomi negara yang fleksibel. Skim ini berkembang daripada penyediaan sokongan asas PKS kepada instrumen penting bagi pembangunan infrastruktur dan langkah tindak balas kitaran. Walaupun jaminan ini menyokong pembangunan ekonomi dan mengurangkan beban fiskal secara sementara, namun ciri luar jangka meningkatkan risiko fiskal terutamanya ketika krisis ekonomi. Justeru, Kerajaan terus proaktif dalam memperkukuh rangka kerja pengurusan risiko demi mengurangkan pendedahan skim jaminan awam. Penggubalan Akta 850 telah memperluas pemantauan ke atas komponen risiko fiskal serta takrifan jaminan kewangan dan meningkatkan ketelusan.

Rujukan

Baudino, P. (2020). *Public guarantees for bank lending in response to the Covid-19 pandemic*. Financial Stability Institute. <https://www.bis.org/fsi/fsibriefs5.pdf>

Cao, J., Goldberg, L. S., Sinha, S., & Ungaro, S. (2024). *Learning lessons from government guarantee programmes for bank lending to firms*. CEPR. <https://cepr.org/voxeu/columns/learning-lessons-government-guarantee-programmes-bank-lending-firms>

Cao, J., Goldberg, L. S., Sinha, S., & Ungaro, S. (2024). Policy Insight 133: Government guarantee programmes for bank lending to firms: Lessons for future policymakers. *CEPR Policy Insight No 133*. CEPR Press. <https://cepr.org/publications/policy-insight-133-government-guarantee-programmes-bank-lending-firms-lessons-future>

Falagiarda, M., Prapiestis, A., & Rancoita, E. (2020). *Public loan guarantees and bank lending in the COVID-19 period*. European Central Bank. https://www.ecb.europa.eu/press/economic-bulletin/focus/2020/html/ecb.ebbox202006_07~5a3b3d1f8f.en.html

Nicolas, T., Ungaro S., Vansteenbergh, E. (2024). *Public-guaranteed loans and bank risk-taking*. <https://www.banque-france.fr/en/publications-and-statistics/publications/public-guaranteed-loans-and-bank-risk-taking>

The Organisation for Economic Co-operation and Development. (2017, Ogos 12). *Evaluating Publicly Supported Credit Guarantee Programmes for SMEs*. https://www.oecd.org/en/publications/evaluating-publicly-supported-credit-guarantee-programmes-for-smes_0f952b4a-en.html

World Bank Group. (2015, Januari 1). *Principles for Public Credit Guarantee Schemes (CGSs) for SMEs*. <https://documents1.worldbank.org/curated/en/576961468197998372/pdf/101769-REVISED-ENGLISH-Principles-CGS-fr-SMEs.pdf>

Skim jaminan awam pula merupakan instrumen penting dalam merangsang aktiviti ekonomi dan menyokong pertumbuhan sektoral. Terdapat tiga skim jaminan awam utama iaitu skim pembiayaan perniagaan yang diberikan kepada PKS di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad; skim pinjaman perumahan kepada pembeli rumah di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad; serta skim khas yang menggalakkan pelaburan mampan melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau di bawah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. Sehingga akhir Jun 2025, pendedahan jaminan terkumpul daripada skim ini berjumlah RM57.5 bilion atau 2.9% daripada KDNK. Risiko daripada skim jaminan terkumpul kekal rendah mengambil kira keperluan pematuhan yang ketat terhadap piawaian perbankan di bawah pemantauan Bank Negara Malaysia.

Jaminan di bawah Akta 66 dan Akta 412

Tiada pemberian jaminan di bawah Akta 66 dan Akta 412 iaitu jaminan ke atas pembiayaan daripada institusi kewangan multilateral. Strategi berterusan Kerajaan telah memperkukuh sumber pembiayaan domestik dan pinjaman komersial. Justeru, pembiayaan daripada institusi kewangan multilateral hanya sebagai pilihan dan tidak diperlukan segera.

Komitmen Jaminan

Penzahiran komitmen jaminan dalam pelaporan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan merupakan elemen utama akauntabiliti dan ketelusan. Komitmen jaminan terdiri daripada penerima Jaminan Kewangan yang mendapat

JADUAL 5.4. *Komitmen Jaminan, 2024 – 2025*

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2024	2025 ³	2024	2025 ³
DanaInfra Nasional Berhad	85,100	87,000	36.0	36.7
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. ¹	50,303	52,373	21.3	22.1
Prasarana Malaysia Berhad	41,955	42,155	17.8	17.8
Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. ²	23,815	24,291	10.1	10.2
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	6,928	6,513	2.9	2.8
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. ¹	5,422	5,006	2.3	2.1
1Malaysia Development Berhad	5,000	5,000	2.1	2.1
Jambatan Kedua Sdn. Bhd. ¹	4,940	3,558	2.1	1.5
Turus Pesawat Sdn. Bhd.	3,685	3,360	1.6	1.4
GovCo Holdings Berhad	3,300	3,300	1.4	1.4
MKD Kencana Sdn. Bhd.	3,200	2,000	1.3	0.8
MKD Signature Sdn. Bhd. ²	1,560	1,560	0.7	0.7
TRX City Sdn. Bhd.	650	650	0.3	0.3
Syarikat Perumahan Negara Berhad	371	318	0.1	0.1
Jumlah	236,229	237,084	100.0	100.0

¹ Tertakluk kepada kadar tukaran asing

² Jaminan di bawah Akta 61

³ Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

peruntukan kewangan daripada Kerajaan dalam memastikan kesinambungan serta daya maju projek dan program strategik. Peruntukan ini adalah dalam bentuk suntikan aliran tunai sementara, penyediaan modal kerja atau bantuan pembayaran sebahagian kadar faedah.

Sehingga akhir Jun 2025, komitmen jaminan mewakili 55.8% daripada Jaminan Kewangan terkumpul di bawah Akta 96 dan Akta 61 meningkat secara marginal 0.4% kepada RM237.1 bilion berbanding akhir 2024. Walaupun terdapat keperluan pembiayaan tambahan bagi projek ECRL dan DanaInfra Nasional Berhad, namun peningkatan ini diimbangi dengan penubuhan pembiayaan oleh Jambatan Kedua Sdn. Bhd., MKD Kencana Sdn. Bhd., Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Liabiliti Lain

Liabiliti lain merangkumi dua komponen utama iaitu obligasi kewangan daripada pelaksanaan projek PPP dan PFI. Komponen tersebut menyediakan sumber pembiayaan alternatif bagi menyokong keutamaan pembangunan infrastruktur Kerajaan melalui penglibatan dan sumber sektor swasta dalam agenda pembangunan negara.

Kerjasama Awam Swasta

Rangka kerja PPP memudah cara kerjasama antara sektor awam dengan swasta bagi membolehkan pihak swasta membina, membiayai dan mengendalikan entiti perniagaan khusus bagi menyediakan infrastruktur, memperoleh aset atau menyampaikan perkhidmatan kepada Kerajaan dan awam. Terma utama kerjasama dinyatakan dalam perjanjian formal yang menggariskan obligasi dan penghasilan utama kepada Kerajaan dan entiti swasta. Terdapat

dua model pembiayaan PPP pada ketika ini iaitu model bayaran oleh pengguna dengan dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta serta model pembiayaan bersama (dibiayai secara bersama oleh Kerajaan dan sektor swasta). Sehingga akhir Jun 2025, terdapat 108 projek PPP di bawah model pembiayaan bersama dengan jumlah komitmen kewangan terkumpul Kerajaan berjumlah RM112 bilion meningkat 5.9% berbanding akhir 2024. Terdapat beberapa projek PPP baharu meliputi pajakan aset, projek sisa kepada tenaga dan projek pengairan pertanian.

Inisiatif Pembiayaan Swasta

Inisiatif PFI telah diperkenalkan pada 2008 bagi membolehkan Kerajaan mengekalkan momentum pembangunan ketika krisis ekonomi global. Projek dan program yang dibiayai di bawah inisiatif ini meliputi projek utiliti awam, pendidikan, perumahan mampu milik, pembangunan kemahiran serta penyelenggaraan fasiliti kerajaan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) telah menyediakan dana bagi pembiayaan PFI manakala Kerajaan menanggung obligasi bayaran balik komitmen kewangan tersebut. Sehingga akhir Jun 2025, komitmen PFI terkumpul adalah berjumlah RM41.4 bilion berbanding RM42.8 bilion pada 2024.

Mitigasi Risiko ke atas Pendedahan Liabiliti

Kemampuan fiskal memerlukan pendekatan proaktif untuk mengenal pasti serta mengawal risiko berikutan liabiliti Kerajaan. Pendekatan ini memberikan fokus kepada pengukuhan kapasiti analitikal, pemantapan struktur tatakelola serta pelaksanaan mekanisme amaran awal dalam perancangan fiskal. Pendekatan ini termasuk perluasan skop penilaian risiko ke atas Jaminan Kewangan, obligasi PPP dan liabiliti luar jangka bagi

memastikan sebarang kemungkinan risiko dapat dikesan lebih awal sebelum menjadi kos fiskal. Pelaksanaan Akta 850 terus menyokong kerangka institusi dalam pengurusan risiko fiskal. Beberapa peruntukan di bawah Akta ini telah dipatuhi secara berperingkat termasuk penerbitan garis panduan formal dan pematuhan kepada siling 25% daripada KDNK bagi Jaminan Kewangan. Di samping itu, liabiliti Kerajaan akan terus dipantau secara berkala oleh jawatankuasa yang diberikan mandat di bawah Akta tersebut.





Sementara itu, rangka kerja PPP akan terus diperhalusi dengan mengutamakan model pelaksanaan projek berasaskan bayaran oleh pengguna bagi mengurangkan kebergantungan kepada projek yang memerlukan pembiayaan Kerajaan selaras dengan Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030. Projek PPP baharu yang melibatkan komitmen kewangan Kerajaan akan tertakluk kepada skop dan had peruntukan di bawah RMK13. Selain itu, tatakelola PPP akan diperkukuh melalui cadangan penggubalan undang-undang khusus berkaitan PPP. Penilaian *value at entry* (VAE) terhadap projek pembangunan akan dilaksanakan sebagai mekanisme tapisan wajib bagi projek baharu bertujuan memastikan hanya projek yang berdaya maju, strategik dan sedia untuk dilaksanakan boleh dipertimbangkan.

Kerajaan telah melaksanakan pembaharuan tatakelola syarikat berkaitan kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan. Beberapa pekeliling telah dikeluarkan bertujuan untuk memperkukuh pematuhan berkaitan pelantikan dan tanggungjawab ahli lembaga pengarah, struktur saraan dan elaun, bonus, perjalanan ke luar negara serta tatacara perolehan. Di samping itu, cadangan penggubalan akta berkaitan syarikat milik kerajaan akan

mengambil kira keperluan untuk menyediakan piawaian akauntabiliti, meningkatkan ketelusan kewangan dan memperkukuh pengawasan. Sementara itu, Pejabat Penyelaras Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan telah dipertanggungjawab untuk menilai semula peranan Badan Berkanun Persekutuan sedia ada, kesinambungan operasi dan kebarangkalian pertindihan fungsi. Justeru, inisiatif ini dapat menyediakan rangka kerja berteraskan peraturan yang lebih kukuh serta memperkemas piawaian tadbir urus dan struktur. Langkah ini dapat mengurangkan pendedahan terhadap risiko, meredakan tekanan fiskal serta mewujudkan ekosistem pelaburan kondusif bagi pelaburan strategik untuk memacu agenda pembangunan negara.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan kekal terurus dengan pendedahan risiko yang terkawal berikutan penebusan penuh beberapa obligasi liabiliti serta ketiadaan komitmen jaminan yang baharu. Situasi ini mencerminkan disiplin dan kemampanan fiskal disokong rangka kerja komprehensif yang mampu mengehadkan pendedahan risiko dan melindungi kewangan awam. Justeru, pembaharuan terkini oleh Kerajaan dapat mengoptimumkan penggunaan sumber secara lebih cekap bagi membiayai projek yang memberikan keutamaan strategik kepada negara dan rakyat. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus menerapkan elemen risiko fiskal dalam pengurusan kewangan awam secara menyeluruh demi mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif, meningkatkan keyakinan pelabur serta merealisasikan potensi pertumbuhan negara.

RAJAH 5.1. Jaminan Kewangan**RAJAH 5.2. Profil Kematangan Jaminan di bawah Akta 96¹****RAJAH 5.3. Jaminan di bawah Akta 96 Mengikut Segmen¹****RAJAH 5.4. Obligasi PPP Terkumpul mengikut Sektor¹**¹ Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri